

# 'Biarpun 1,000 kali dibaca, kita tak akan jemu'

ABD RAUF



UMAT Islam berada dalam kealpaan sebenarnya andai mukjizat terbesar Rasulullah SAW hanya dibiarkan tidak terusik di rumah kita sehingga berdebu dan berhabuk.

Kitab suci al-Quran tidak sewajarnya hanya menjadi sebahagian perhiasan rumah atau diletakkan bagi mengisi bahagian rak-rak buku kita, sebaliknya ia merupakan wahyu ALLAH yang perlu kita dalam tanpa henti ilmunya, sama ada yang tersurat mahupun tersirat.

Rasulullah SAW tidak meninggalkan umatnya tanpa sebarang pedoman kerana al-Quran adalah cahaya terang yang bersinar sepanjang zaman dan akan sentiasa dapat dibaca serta dihayati sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini.

Disebabkan itulah kalam ALLAH iaitu al-Quran menjadi mukjizat terbesar berbanding dengan yang lain, demikian kata

**Pensyarah  
Jabatan Bahasa  
Asing, Fakulti  
Bahasa Moden  
dan  
Komunikasi,  
Universiti  
Putra**

**Malaysia, Prof Madya Dr Abd Rauf Hassan.**

Jelas Abd Rauf, kalamullah itu akan berkekalan sehingga ke akhir zaman sepertimana yang dijanjikan ALLAH SWT.

Firman ALLAH SWT: *"Sesungguhnya KAMILAH yang menurunkan al-zikr (al-Quran) dan KAMILAH yang memelihara dan menjaganya."* (Surah al-Hijr, ayat 9)

Biarpun 1,000 kali al-Quran dibaca, tambah beliau, kita tidak akan pernah berasa jemu dengannya.

"Begitulah kemuliaan kalam ALLAH ini. Berbanding kita baca ayat dalam surat ataupun akhbar secara berulang-ulang, kita rasa ia seolah-olah sama saja. Namun, apabila membaca ayat ALLAH, tidak terdetik rasa sebegitu.

"Umpamanya, kita membaca Surah al-Fatihah sejak berusia lima tahun dan hingga umur kita 80 tahun pun, kita masih tetap membacanya tanpa jemu. Inilah satu kemuliaan yang ALLAH SWT berikan supaya kita dapat merasakan itulah mukjizat sebenarnya. Bahkan, al-Quran itu dijadikan sebagai panduan untuk kehidupan kita bagi memberikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat," kata beliau ketika ditemui *Sinar Islam* selepas Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1441 Hijrah/2020 Masihi di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dalam pada itu, jelas Abd Rauf, ada

beberapa adab yang perlu dipelihara ketika membaca al-Quran. Ia termasuklah sebelum, semasa dan selepas membaca kalam ALLAH tersebut.

Beliau turut menegur sikap sebilangan masyarakat yang kadangkala alpa memegang al-Quran tanpa berwuduk, sedangkan ia merupakan perkara asas.

"Bagi orang yang menjual al-Quran, mengemas atau mengangkat al-Quran tanpa wuduk, tindakan itu sebenarnya kurang beradab. Selain itu, bukan sembarangan tempat boleh kita membaca kalamullah ini. Jangan sesekali membacanya di tepi longkang, tepi pasar atau di tempat riuh-rendah.

"Sebaiknya, bacalah (al-Quran) di tempat-tempat yang tenang dan suci serta bersih. Bacalah dalam keadaan kita menutup aurat dan menghadap kiblat," ujar beliau.

Apabila membacanya pula, jelas ahli akademik itu, hayatilah dengan khusyuk dan jangan ada sebarang gangguan. Ini kerana, membaca al-Quran itu ibarat kita bertawasul iaitu berkomunikasi dengan ALLAH.

"Ingatlah bahawa apa yang kita baca itu adalah kata-kata ALLAH. Seperka lagi, apabila telah selesai membacanya, letakkan al-Quran di tempat yang sepatutnya dan tinggi. Jangan letak di hujung kaki katil," katanya mengakhiri perkongsian ilmu.